

## Bantuan keperluan makanan buat penduduk kampung

Oleh: NUR FILZATUL IZZATI ARIF PAZILLAH

**ALOR SETAR-** November, 2020: Pihak Masjid As-Salam tampil menghulurkan bantuan keperluan makanan setiap bulan kepada penduduk kampung yang turut terkesan dengan pandemik Covid-19.

Imam Masjid As-Salam Alor Semela, Abdul Rahman Hamid, 75, berkata, beliau dan beberapa ahli jawatankuasa melawat serta menghulurkan sumbangan bagi meringankan bebanan penduduk kampung yang terjejas dengan pandemik ini.



**Abdul Rahman Hamid (kanan) memberi sumbangan kepada penduduk kampung (kiri) di Masjid As-Salam Alor Semela, baru-baru ini.**

"Hampir 2,000 buah keluarga yang terjejas, dan mereka akan memilih serta memberi perhatian kepada keluarga yang sangat memerlukan ataupun mencukupi syarat untuk menerimanya berdasarkan latar belakang keluarga, pekerjaan, pendapatan dan jumlah tanggungan," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa, mereka juga memberi bantuan secara one-off melalui kupon yang bernilai RM50 bagi membolehkan anak kariah membeli barang basah seperti ikan, ayam dan sebagainya.

Tambahan pula, masjid juga menerima sumbangan daripada Pejabat Zakat Kedah secara bulanan iaitu sebanyak 30 bungkus makanan kering, dan akan diberi kepada anak kariah mengikut giliran.



**Sesi temubual bersama Tuan Imam, Abdul Rahman Hamid di dalam Masjid As-Salam.**

Dalam sesi temubual bersama Tuan Imam, beliau berkata, sebanyak 900 beg makanan keperluan juga disumbangkan untuk masjid bagi membantu penduduk kampung dan proses pengagihan itu mestilah mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk hadir atas faktor kesihatan dan mengalami kesukaran untuk bergerak, pihak masjid akan menghantar bantuan tersebut ke rumah mereka," katanya.

Beliau juga sangat bersyukur kerana Pejabat Zakat Negeri Kedah tidak pernah putus asa dalam membantu dan menyalurkan sumbangan.

"Antara agensi kerajaan yang turut menghulurkan bantuan ialah Lembaga Zakat Negeri Kedah serta beberapa pihak lain yang tampil menunaikan tanggungjawab masing-masing.

"Diharap agar semua bantuan yang disalurkan daripada pihak masjid sedikit sebanyak dapat membantu dan mengurangkan sedikit bebanan yang ditanggung oleh penduduk kampung dalam mendepani pandemik Covid-19" katanya.

Sementara itu, salah seorang penduduk yang menerima bantuan, Che Ani Mat Isa, 65, berkata, hampir keseluruhan duit pencennya digunakan untuk menampung keluarga dan cucunya serta sangat mengharapkan ada pihak yang menghulurkan bantuan.

"Saya sangat bersyukur kerana pihak masjid sanggup turun padang menghantar dan mengambil berat akan kehidupan anak kariah serta tidak putus untuk menghulurkan bantuan, tambahan pula, ini merupakan kali ketiga saya menerimanya," katanya.